


16 - 31 OKTOBER, 2024

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Taman Botani

## pusat penyelidikan dan rekreasi




PEMANDANGAN pintu masuk ke Taman Botani Pulau Pinang yang menyegarkan mata memandang.

**TAMAN** Botani bukanlah asing kepada rakyat Pulau Pinang yang terkenal sebagai lokasi riadah sambil menghirup udara segar serta dikelilingi suasana hijau.

Namun fungsinya sebagai taman penyelidikan dan kajian masih kurang difahami oleh sesetengah individu hingga meletakkan pandangan bahawa Taman Botani perlu dipenuhi dengan bunga-bungaan sahaja.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** telah berkunjung ke Taman Botani untuk mendapatkan gambaran sebenar keadaan di taman ikonik Pulau Pinang itu.

Kehadiran kami disambut oleh Pegawai Pertanian Jabatan Botani Negeri Pulau Pinang, **RIDWAN OTHMAN**.

Menurut beliau, Taman Botani beroperasi dengan kekuatan 90 kakitangan yang dibahagikan tugasan seperti penyelenggaraan dan pemuliharaan mengikut kawasan.

"Taman Botani secara semula jadinya perlu disesuaikan dengan pembangunan atau pembaharuan agar tidak mengganggu ekosistem sedia ada.

"Jadi kita cuba adunkan dengan ekosistem itu melalui jenis-jenis pokok, serangga dan fauna supaya ekosistem di sini tidak terlalu diganggu.

"Untuk orang awam, kita sediakan lapan pameran khas meliputi Rumah Orkid *(Orchidarium)*, Rumah Bromeliad (keluarga nanas), *begonia* (keladi), *Fern House*, Rumah Perdana (koleksi pokok), taman Taman Herba, *The Sun Rockery* dan *Fragrance Garden*," ujarnya.

Ridwan memberitahu bahawa pengoperasian taman-taman berkenaan agak terhad ekoran cabaran yang didepani oleh pihak Taman Botani seperti kecurian pokok, ancaman monyet, tupai dan sebagainya.

"Memang kita berdepan kes-kes seperti mencuri anak-anak pokok, monyet rosakkan bunga atau dimakan tupai, jadi kita sesuaikan modus operandi dengan masa dan fungsi utama Taman Botani sebagai lapangan kajian dan penyelidikan.

"Kalau perbuatan mencuri pula macam-macam cara digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti meletakkannya di dalam payung, dalam baju dan macam-macam lagi, tidak kurang juga yang petik buah sampai habis," kongsinya.

Tambah beliau, kepelbagaian spesies tumbuhan yang ada di Taman Botani adalah dibawa dari seluruh Malaysia.

"Kita tanam dan buat kajian di sini, ada yang sesuai dan ada yang tidak, perkara ini juga menjadi cabaran biodiversiti di sini," maklumnya.

Di rumah orkid pula, Buletin Mutiara sempat menemu ramah penyelenggara rumah tersebut, **FAZLI ABBAS**.



LANDSKAP menarik di *Fragrance Garden.*

Fazli memberitahu bahawa rumah terbabit menempatkan kira-kira 30 jenis orkid meliputi hibrid (kacukan) dan orkid liar.

Kunjungan Buletin Mutiara agak bernasib baik kerana orkid liar terbesar di Malaysia iaitu orkid harimau sedang mekar dalam musimnya dari Julai hingga September.

"Banyak orang salah faham dan datang ke sini untuk melihat orkid bersaiz besar seperti orkid hibrid.

"Orkid jenis itu memang ada di sini, cuma di Taman Botani ini, kita lebih fokus kepada orkid liar yang mana lebih sukar dijumpai dan hanya boleh didapati dari hutan.

"Dari sebesar-besar orkid harimau, kita juga tempatkan orkid bersaiz kurang satu milimeter (mm), antaranya termasuklah orkid vanila dan bermacam-macam lagi.

"Sebenarnya pokok orkid ada dua jenis, tetapi kita mahu didik orang ramai belajar berkenaan orkid liar.

*(Sambungan di muka 2).*

# 23 mesin dialisis PHZ diganti baharu

**BAYAN LEPAS** - Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) Bayan Lepas menerima 23 unit mesin baharu yang dilengkapi teknologi terkini bernilai RM920,000.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohamad Abdul Hamid yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menyampaikan sumbangan kelengkapan daripada sumber dana Zakat Pulau Pinang (ZPP) itu dalam majlis berkaitan di sini pada 7 September 2024.

Mohamad yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat berkata bahawa ketika ini, ZPP mengendalikan lapan PHZ yang memberi rawatan percuma kepada 210 pesakit buah pinggang kronik, terutamanya kepada golongan asnaf fakir dan miskin.

Selain itu, beliau memberitahu bahawa ZPP menyediakan bantuan suntikan *Erythropoietin* (EPO) kepada pesakit yang menjalani rawatan di luar PHZ.

"Majlis ini amat penting bagi kelangsungan operasi PHZ yang telah berkhidmat kepada masyarakat Muslim di Pulau Pinang sejak tahun 2001.

"Kini, setelah hampir 23 tahun beroperasi, pusat ini terus memberikan sumbangan besar dalam menjaga kesihatan komuniti kita," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Berucap sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali menyatakan bahawa menerusi PHZ, diharap senantiasa memberi perkhidmatan terbaik dengan menyantuni para pesakit di samping menjana nilai tambah pada perkhidmatan agensi negeri tersebut.

"PHZ akan dilengkapi dengan mesin baharu bagi menggantikan mesin lama yang telah mencapai tempoh penggunaan melebihi 10 tahun di semua cawangannya.

"Penggantian mesin lama ini adalah untuk menambah baik fasiliti perubatan di PHZ dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada pesakit iaitu dalam kalangan asnaf fakir serta miskin di negeri Pulau Pinang," ujarnya.

Turut serta, Mufti Kerajaan Negeri, Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Sukki Othman.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Bertugas tanpa kira keadaan

"Orkid dikatakan mempunyai 24,000 spesies di seluruh dunia merangkumi 10 peratus keluarga bunga dalam dunia dengan sifat yang berbeza-beza," ulasnya.

Hasil tinjauan Buletin Mutiara juga mendapati kakitangan Taman Botani sangat berdedikasi dan prihatin menjaga kelestarian, kebersihan serta kesihatan pokok termasuk aspek keselamatan.

Kehadiran kami turut disapa oleh petugas **SHAHRIL HAFIZ ISMAIL** yang sedang melakukan penyelenggaraan kolam teratai di hadapan pintu masuk Taman Botani.

"Kami dalam proses menanam semula pokok teratai ini atau nama saintifiknya, *Victoria amazonica* yang pernah viral sebelum ini.

"Walau bagaimanapun, kami berdepan cabaran tersendiri apabila orang awam tidak bertanggungjawab melepaskan ikan ke kolam teratai ini.

"Ikan-ikan ini akan merosakkan pokok dengan cara memakan akar dan daun, jadi macam mana pokok-pokok hendak hidup.



FAZLI Abbas.



SHAHRIL Hafiz Ismail.

"Adakalanya, kami perlu letakkan jaring untuk mengelakkan ikan masuk.

"Pernah satu masa, kami tangkap hampir ribuan ikan di kawasan ini untuk memastikan kolam bebas daripada ikan sekali gus memberi peluang kepada pokok teratai menjadi matang," tegasnya yang memulakan tugas seawal pukul 8 pagi bersama-sama dua lagi sahabatnya, **AZLAN ABDUL HAMID** dan **MUHAMAD HILMI OSMAN**.

Menyentuh mengenai aduan, Shahril Hafiz akui turut berdepan dengan situasi sama, namun mereka tetap bertugas di seluruh kawasan taman yang mungkin tidak dapat dilihat orang awam.

"Kami buat kerja di merata-rata kawasan dalam taman ini termasuk tempat-tempat yang agak tersorok, jadi kadang-kadang orang tidak nampak dan menuduh kami tidak buat kerja.

"Kawasan ini luas, banyak kawasan yang mungkin orang ramai tidak perasan, kalau kami tidak bertugas mana mungkin kawasan ini dapat dijaga dengan baik dan kemas seperti yang dapat dilihat sekarang ini.



RIDWAN Othman.



NUR Syazwani Ismail.

"Kakitangan bertugas tanpa mengira keadaan, sebaliknya perlu mengikut rutin harian yang ditetapkan," katanya sebelum mengakhiri bicara sambil meneruskan tugas di bawah hujan yang membasahi tubuh.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Taman Botani Negeri Pulau Pinang, **NUR SYAZWANI ISMAIL** ketika dihubungi memberitahu bahawa beliau percaya anak-anak buahnya sangat berdedikasi ketika menjalankan tugas dengan menjaga sebaiknya pelbagai spesies pokok yang terdapat di Taman Botani.



AIR terjun yang menjadi pemandangan ikonik di Taman Botani Pulau Pinang.



ORKID Harimau antara yang boleh didapati di Taman Botani.

"Kakitangan Jabatan Taman Botani sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti, sehabis baik, kerana selalu ditekankan bahawa faktor kesihatan dan kebersihan kawasan persekitaran taman perlu dititikberatkan termasuk faktor keselamatan dan keselesaan pengunjung.

"Ketika ini, jabatan mempunyai beberapa rumah pokok yang diuruskan di Taman Botani dan sentiasa berharap agar tindakan yang menjurus pada perbuatan vandalisme atau tidak bermoral dapat dihindari demi kelestarian Taman Botani," katanya.

# Penduduk Batu Kawan bakal nikmati kemudahan pasar awam, kompleks penjaja

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**BUKIT TAMBUN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memaklumkan bahawa tapak Pasar Awam Batu Kawan seluas 7.7 ekar di Bandar Cassia kini dalam proses rawatan tanah sebelum tender dijangka dibuka Disember ini.

Beliau berharap, pasar awam pertama di Batu Kawan bernilai RM60 juta (termasuk naik taraf jalan) itu dapat disiapkan mengikut masa ditetapkan untuk kemudahan penduduk sekitar.

"Projek dijangka mengambil masa 24 bulan, dan saya harap dapat disiapkan cepat sebab sangat diperlukan di sini yang mana ia merupakan pasar awam pertama di Batu Kawan.

"Kini, penduduk banyak bergantung pada jualan-jualan barangan perlu di rumah-rumah kedai dan premis kediaman yang ditukar guna tanpa kelulusan.

"Apabila rawatan tanah siap, kontraktor akan dilantik, maka pembangunan pasar awam, kompleks penjaja serta kedai-kedai boleh dimulakan seawal tahun 2025," ujarnya ketika melawat tapak pembangunan Pasar Awam Batu Kawan dekat Jalan Batu Kawan di sini 15 September lalu.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Aziz Bakar; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Teh Chuann Yien dan barisan kepimpinan badan berkaitan kerajaan (GLC) berkaitan.

Kesempatan sama, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan turut meluangkan masa melawat tapak projek Taman Perindustrian Batu Kawan 3 (BKIP 3).



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan PDC dan pihak kontraktor menunjukkan pelan pelaksanaan projek Pasar Awam dan Kompleks Makanan Batu Kawan pada sesi jelajah khas di sini baru-baru ini.

Difahamkan, BKIP 3 bakal menyediakan 200 plot tapak bagi pelabur berminat untuk melabur di Pulau Pinang.

"Fasa 1 (BKIP 3) dijangka siap pada tahun 2026, sekarang kita masuk peringkat pemasaran di samping kerja-kerja infrastruktur yang sedang dilaksanakan, saya harap ia mampu menjadi lokasi baharu untuk menawarkan kepakaran-kepakaran serta pelaburan untuk mendirikan kilang di sini.

"Sama dengan Taman Teknologi Batu Kawan (BKTP), kita khususkan industri berteknologi tinggi supaya ia akan kukuhkan lagi *'supply chain'* yang mana banyak ekosistem industri dapat dikukuhkan terutamanya melibatkan industri yang masih tidak ada di sini.

"Semua kerja-kerja mengikut jadual yang ditetapkan, kerja-kerja pemasaran pun sudah mula, ini tindakan agresif PDC dalam menyediakan tanah-tanah industri untuk keperluan masa depan," ulasnya merangkap Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Kon Yeow turut berharap PDC terus memainkan peranan agar Pulau Pinang sentiasa bersedia menyediakan keperluan tanah untuk pelaburan di masa depan serta tidak menghadapi kekangan tanah.



PELAN pelaksanaan projek.



**KERJA-KERJA tanah giat dijalankan di tapak projek.**

# Jambatan Batu Kawan licinkan trafik; BCTP mula terima pelabur

**BUKIT TAMBUN –** Jambatan Batu Kawan berhampiran Stadium Negeri Batu Kawan bernilai RM23 juta sepanjang satu kilometer yang dijangka melicinkan aliran trafik dari Bukit Tambun ke Batu Kawan bakal dibuka dalam tempoh terdekat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kemajuan projek berkaitan sehingga 16 September lalu adalah pada kadar 85 peratus.

"Projek yang bermula sejak tahun 2022 itu mengalami sedikit kelewatan akibat beberapa masalah teknikal di tapak, namun Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) serta kontraktor telah mengambil tindakan sewajarnya," ujarnya ketika melawat tapak projek tersebut di sini pada 15 September lalu.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar dan wakil Umech Construction Sdn. Bhd. selaku kontraktor projek.

Sejurus itu, Kon Yeow turut melawat tapak projek Taman Teknologi Bandar Cassia (BCTP) berkeluasan 154.6 hektar yang mana sehingga kini, difahamkan empat syarikat sudah memulakan pelaburan di sini.

"Daripada empat pelabur berkaitan, dua daripadanya telah memulakan kerja-kerja di tapak. Kerja-kerja tanah, infrastruktur, jalan raya dan utiliti semuanya berjalan lancar yang mana BCTP dan BKIP 3 (Taman Industri Batu Kawan 3) akan mengutamakan industri berteknologi tinggi dan hijau,'' jelasnya.



**RUPA bentuk Jambatan Batu Kawan yang bakal melicinkan trafik sedia ada.**

# Pakej 12A tingkat kapasiti bekalan air terawat



RAKAMAN udara Pakej 12A yang telah siap.

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SUNGAI DUA -** Dengan mula beroperasinya Pakej 12A di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berjaya meningkatkan kapasiti bekalan air terawat negeri sebanyak 114 Juta Liter Sehari (JLH) iaitu daripada 1,612JLH kepada 1,726JLH.

Pada tahun 2025 dan 2026, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa firma operator air negeri itu akan melaksanakan projek pembinaan saluran paip baharu sepanjang 13.0 kilometer (km) x 1.8 meter (m) dari LRA Sungai Dua ke Butterworth yang menelan belanja RM128 juta.

Dua projek utama lain yang akan turut diberi tumpuan, menurut beliau adalah RM44 juta untuk pembinaan saluran paip baharu sepanjang 3.9km x 1.8m dari Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar serta RM17 juta untuk projek saluran paip menyeberangi Sungai Perai.



PENGOPERASIAN loji.

"Pakej 12A iaitu loji rawatan air 'tambahan' di LRA Sungai Dua ini dapat membekalkan tambahan 114 JLH kepada pengguna negeri Pulau Pinang.

"(Pakej 12A) ini adalah sebahagian daripada lapan projek yang kita (Kerajaan Negeri dan PBAPP) umumkan sebelum ini iaitu Pelan Kontingensi Air bertujuan untuk menambah baik kapasiti air terawat serta penyampaian air kepada pengguna," jelasnya selepas merasmikan Pakej 12A di LRA Sungai Dua dekat sini pada 20 September 2024.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi itu lagi, sejumlah RM1.18 bilion akan dibelanjakan untuk menyiapkan kesemua lapan projek di bawah Pelan Kontingensi Air yang dijangka siap pada tahun 2030.

"Apabila (lapan projek di bawah Pelan Kontingensi Air dan Projek Air Perak-Pulau Pinang) siap, kita percaya kedayatahanan bekalan air kita ditingkatkan (bagi menampung keperluan air pada tahun 2050," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. K. Pathmanathan turut sertai sidang media tersebut.

Sebagai rekod, berikut merupakan enam projek bekalan air utama yang telah disiapkan sejak tahun 2018:-

(i) Fasa 1 dan Fasa 2A Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) untuk meningkatkan kapasiti simpanan maksimum empangan terbesar di Pulau Pinang kepada 86.4 bilion liter.

(ii) Projek Saluran Paip Dasar Laut Berkembar Pulau Pinang yang ketiga untuk meningkatkan pengepaman air terawat ke Pulau Pinang sebanyak maksimum 315 juta JLH;

(iii) Modul Rawatan Air Pengapungan Udara Terlarut atau *Dissolved Air Flotation* (DAF) di Loji Rawatan Air Bukit Panchor yang meningkatkan pengeluaran air terawat sebanyak 10 JLH di SPS;

(iv) Fasa 2B MDEP untuk meningkatkan kapasiti pelepasan maksimum dari Empangan Mengkuang yang diperbesarkan kepada 600 JLH;

(v) Penggantian dua injap utama di Loji Rawatan Air Sungai Dua yang mengalami kebocoran teruk untuk mencegah kemungkinan kejadian yang tidak diingini; dan

(vi) Pakej 12A LRA Sungai Dua.

## Penyumbang pingat SUKMA diiktiraf



KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para atlet yang diraikan pada Majlis Penyerahan SKIMAS Kepada Pemenang Pingat Kontinjen Negeri Pulau Pinang dalam temasya SUKMA XXI Sarawak 2024 di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyampaikan insentif tunai kepada penyumbang 41 pingat emas, 45 perak dan 53 gangsa sempena temasya Sukan Malaysia XXI Sarawak 2024 (SUKMA Sarawak) dalam majlis berkaitan di sini pada 19 September 2024.

Semasa berucap, beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berharap penyampaian insentif tersebut akan terus memberi motivasi dan membakar semangat semua pihak berkenaan untuk memajukan sukan negeri.

"Menerusi Skim Insentif Kecemerlangan Sukan (SKIMAS) Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pemenang pingat emas sebelum ini menerima insentif bernilai RM4,000, kini telah ditingkatkan kepada RM6,000.

"Penerima pingat perak akan mendapat insentif bernilai RM2,500 manakala pingat gangsa (RM1,500).

"Pengiktirafan ini merupakan satu penghargaan atas pencapaian serta pengorbanan oleh anda semua di sini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Berucap sebelum itu, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen yang juga *'Chef De Mission'* Negeri Pulau Pinang turut merakamkan penghargaan kerana temasya pada kali ini menyaksikan atlet negeri berjaya memperbaharui tiga rekod SUKMA serta muncul sebagai juara keseluruhan dalam acara sukan tinju, judo, catur dan gimnastik artistik.

Sementara itu, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua pula menzahirkan penghargaan atas kejayaan Kontinjen Pulau Pinang yang berada dalam kedudukan empat terbaik dalam saingan kesemua 15 negeri dalam kejohanan dwitahunan baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi II MSNPP, M. V. Jayanandhan.

Dalam sidang media selepas itu, Kon Yeow memberitahu bahawa penyampaian sumbangan insentif SKIMAS berjumlah RM553,200 kepada atlet, jurulatih dan persatuan sukan yang layak.

# KARATE didik disiplin; buru cemerlang akademik





SESI latihan yang dijalankan.

KEJOHANAN dwitahunan negara yang dikenali sebagai Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak baru-baru ini menyaksikan kontinjen negeri Pulau Pinang mendapat pingat emas dalam acara Kata Berpasukan Lelaki.

**DENNIS LIM KAI XIANG**, **SONG CHAN ZHEN** dan **YEE MING QI** menyumbang pingat ketujuh tersebut pada 18 Ogos 2024, dengan mengumpul 40.1 mata.

Sehari sebelum itu, Chan Zhen turut menyumbang pingat emas pertama bagi skuad karate negeri dan keenam buat kontinjen negeri.

Atlet berusia 21 tahun itu mengumpul 38.8 mata, selepas berjaya menewaskan pencabar terdekat dari negeri Perak.

Wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemu ramah atlet berkenaan di pusat latihan mereka dekat Jalan Transfer, George Town pada 5 September lalu.

Bagi Chan Zhen sendiri, kejayaan berpasukan dan individu yang dimenangi itu begitu bermakna kerana ini merupakan SUKMA terakhir yang layak disertai atas faktor had umur.

“Saya sangat bangga dengan kejayaan yang diraih dalam SUKMA baru-baru ini kerana ini kali terakhir saya berpeluang untuk serta kejohanan itu.

“Selepas ini, saya tidak boleh sertai kejohanan dwitahunan itu atas sebab melepasi had umur (kelayakan).

“Ini, adalah pencapaian terbaik kami bertiga,” jelasnya.

Bercerita lanjut, beliau menyatakan bahawa di sebalik kejayaan individu dan berpasukan itu sebenarnya ada pengorbanan serta komitmen yang harus dipenuhi.

Sebagai penuntut di Kolej TAR atau Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT), beliau sendiri memang dihambat dengan kekangan masa yang begitu ketat antara memburu kecemerlangan dalam akademik dan sasaran meraih



SONG Chan Zhen (dua dari kiri), Dennis Lim Kai Xiang (dua dari kanan) dan Dennis Lim Kai Xiang (kanan sekali) bersama-sama tiga atlet karate lain merakamkan gambar kenangan semasa menyertai SUKMA 2024 di Sarawak baru-baru ini.

pingat emas dalam SUKMA.

Sebagai penuntut dalam jurusan kejuruteraan perisian, saya sendiri ada kelas yang agak padat dari 9 pagi hingga 5 petang.

“Selepas habis kelas, terus bergegas ke pusat latihan karate pula untuk sesi latihan rutin sehingga jam 8 malam, kadangkala lewat lagi.

“Selepas habis latihan, baru boleh betul-betul rehat, makan malam dan terus tidur kerana masih ada rutin harian yang perlu dipenuhi pada keesokan hari,” kongsinya.

Menurut beliau, rutin harian di pusat latihan adalah selama tiga jam sekurang-kurangnya, pada hari Isnin hingga Jumaat.

“Kerana rutin harian yang begitu padat, boleh dikatakan semasa waktu belajar atau di medan latihan, kami senantiasa saling berkomunikasi berhubung apa perkara yang wajar dibuat dan yang tak wajar dilakukan.

“(Ini kerana,) dalam setiap kejohanan itu bagi kami adalah begitu penting.

“Jadi, kami senantiasa berusaha memajukan potensi dan keyakinan diri sebelum masuk ke gelanggang saingan yang sebenar.

“Saya sendiri memang nak cemerlang dalam akademik, pada masa sama cemerlang dalam sukan karate, jadi, bayangkan bagaimana nak seimbangkan kedua-dua perkara ini,” ujarnya.

Dalam SUKMA akan datang, Chan Zhen memberitahu bahawa beliau mungkin tidak berpeluang lagi menyertai saingan atas sebab usia melepasi 21 tahun.

Pun begitu, beliau berkata bahawa jika ada peluang ke kejohanan lain, beliau berharap kariernya dalam sukan karate dapat terus ditingkatkan.

“Bagi saya karate ini bukan setakat sukan semata-mata, pelbagai perkara lagi sampai membentuk gaya hidup saya sekarang ini, seperti bagaimana menghormati orang yang lebih tua dan menguruskan masa secara bijak serta ambil tanggungjawab dalam perkara yang sewajarnya (macam belajar di ‘Kolej TAR’),” ulasnya.





DISIPLIN penting dalam sukan karate.

# JUDO negeri menyerlah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**


MD. Nashriq Md. Nasir (belakang, kanan sekali) bersama-sama anak didiknya di SUKMA Sarawak baru-baru ini.

**PASUKAN** judo negeri mencuri tumpuan apabila muncul juara keseluruhan buat kali ketiga berturut-turut pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang berlangsung di Sarawak pada Ogos lalu.

Sebelum ini, pasukan judo Pulau Pinang mencapai kejayaan sama pada dua aksi SUKMA di Ipoh (2018) dan Kuala Lumpur (2022).

Pasukan judo negeri menutup gelanggang di Sarawak dengan enam pingat emas, perak (3) dan gangsa (4) meletakkan mereka berada dalam kelas tersendiri.

Jurulatih, **MD. NASHRIQ MD. NASIR**, 39, ketika ditemui di pusat latihan, *Budo Academy* di Seri Tanjung Pinang berbangga dengan aksi yang ditampilkan sehingga membolehkan pasukan judo mengecapi pencapaian luar biasa.

"Mereka telah berlatih dengan sangat baik sebelum temasya, terutama selepas edisi di Kuala Lumpur dua tahun lalu.

"Mereka tahu apa yang mereka mahu capai dan mereka benar-benar menunjukkan prestasi yang sangat baik sepanjangan saingan.

"Kini, kami sedang dalam persediaan untuk melatih bakat-bakat baharu bagi meneruskan kejayaan pasukan, lagipun mereka yang pernah menyertai SUKMA akan melebihi usia 21 tahun menjelang edisi akan datang.

"Pasukan kami berhasrat untuk mengekalkan pencapaian dalam SUKMA akan datang yang mana dijadualkan berlangsung di Selangor pada 2026 nanti.

"Pastinya, ia merupakan suatu proses yang mencabar dan perjalanan yang panjang, tetapi saya percaya kepada pasukan judo saya untuk mengekalkan prestasi cemerlang pada tahun-tahun mendatang," ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara pada 4 September lalu.

Md. Nashriq merupakan bekas atlet judo kebangsaan dan pernah menyertai Sukan SEA 2005 sebelum bersara akibat kecederaan lutut yang serius. Beliau kemudiannya menggalas tanggungjawab sebagai jurulatih pasukan judo Pulau Pinang kerana terlalu 'sayang' akan sukan itu dan berkongsi pengetahuannya dengan orang lain.

Selepas berjaya memperoleh pingat emas dalam kategori bawah 81 kilogram (kg), pendukung judo negara, **AMIR DANIEL ABDUL MAJEED** kini mengintai kelayakan ke Sukan Olimpik Los Angeles, Amerika Syarikat pada 2028.

"Saya harap untuk menjadi atlet pertama mewakili Malaysia dalam kejohanan terbesar dunia dalam tempoh empat tahun ini, bukan suatu tugas yang mudah, tetapi saya yakin dengan kemampuan diri saya untuk melangkah lebih jauh.

"Sebagai persediaan, saya akan menyertai lebih banyak kejohanan antarabangsa untuk layak ke Sukan Olimpik 2028 nanti dan berlatih dengan lebih gigih terutama dari segi ketahanan dan kekuatan fizikal," jelasnya yang merupakan salah seorang atlet judo muda di bawah 'kem' Pulau Pinang.

Amir Daniel juga mengambil bahagian dalam dua temasya SUKMA yang lalu dan sudah tidak asing lagi apabila beliau berjaya menamatkan kejohanan dengan pencapaian membanggakan.

"Walaupun dipilih sebagai atlet pilihan dalam acara ini, masih banyak yang perlu saya pelajari dan kejar lebih-lebih lagi ada beberapa bintang yang sedang meningkat naik dari negeri lain," katanya.

Bagi rakan sepasukan, **LIM XIN JIE**, 21 dan **QALEEDA IZZ'DIKA MOHD. ROSIDI**, 14, kedua-duanya memenangi pingat emas dalam Kategori Ju No Kata perempuan.

Baik Xin Jie mahupun Qaleeda Izz'dika, kedua-duanya gembira apabila berjaya mengukir pencapaian membanggakan.

"Kami telah berlatih dengan bersungguh-sungguh sebelum temasya dan dorongan rakan sepasukan menjadi rencah mencapai keputusan hebat.

"Saya akan cuba melakukan yang terbaik dan elakkan dari memikirkan soal kemenangan," katanya yang mendedikasi pingat emas dimenangi untuk abangnya, **LIM YI ZHENG**, 25, yang juga atlet menyinar di pentas judo.

Dalam pada itu, Qaleeda Izz'dika yang fasih berbahasa Mandarin, menyatakan bahawa sokongan dan galakan ibu bapa menjadi kunci kejayaan beliau.

"Mereka menjadi tonggak kejayaan saya dan saya berharap untuk mencapai lebih banyak lagi pencapaian membanggakan pada masa hadapan," ujarnya yang merupakan pelajar SMJK (C) Union.

Bagi Kategori Ju No Kata lelaki, **NG YI HENG** dan **YEAP ZHENGWEI FREDERIC** masing-masing 20, turut menepati jangkaan.

"Ini merupakan kali kedua saya menyertai SUKMA dan saya hanya memperoleh pingat perak pada edisi sebelum ini," kata Yi Heng yang tidak mahu lagi menoleh ke belakang.

*(Sambungan di muka 7).*

**QALEEDA Izz'dika Mohd. Rosidi (kiri) dan Lim Xin Jie menunjukkan pingat emas yang dimenangi.**



**NG Yi Heng (kiri) dan Yeap Zhengwei Frederic.**



**NG Yi Xuan (kiri) dan Wong Yi Xuan, kedua-duanya menunjukkan aksi cemerlang dalam Kategori Nage No Kata.**



# Kelas seni tari percuma buat kanak-kanak istimewa

**SENI** tari termasuk balet, bukan semua orang berpeluang untuk belajar. Apatah lagi untuk membuat persembahan.

Justeru, koreografi dan artis tari profesional terkenal, Aida Redza mencabar diri untuk mengajar anak-anak autisme di negeri Pulau Pinang secara percuma, jika mendapat sokongan daripada pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri.

Aida anak kelahiran Selangor tetapi sejak 11 tahun lalu bermastautin di Pulau Pinang.

Artis tari yang bermula di *Peoples Association Dance Company* dan graduan Ijazah Sarjana Seni Persembahan dari *School of the Arts* di Belanda, Aida berkata beliau lama berkelana di Kuala Lumpur sebagai aktivis seni tari dan memang hasrat untuk bergiat lebih aktif dalam bidang sama di negeri Pulau Pinang.

"Saya lihat di Singapura memang tetap ada kumpulan seni tari dengan penglibatan OKU kategori sindrom down, yang mana aktiviti mereka dibiayai oleh *National Arts Council, Singapore*.

"Jadi, saya ingin berusaha melaksanakan program inklusif seumpama itu dengan melibatkan anak-anak autisme di sini," jelasnya lagi.

Kira-kira 11 tahun lepas, jelas Aida lagi, beliau pernah menubuhkan *Euphoria Penang Modern Dance Ensemble* dengan menghimpunkan guru-guru tari sambilan bagi melatih anak muda negeri.

Menurutnya, *Euphoria Penang Modern Dance Ensemble* boleh bergerak aktif kerana ada sokongan daripada Ketua Menteri pada waktu itu, di samping dana tajaan Kumpulan Hunza Sdn. Bhd..

"Saya bersama-sama Hunza Sdn. Bhd. ada mohon sokongan daripada Ketua Menteri pada waktu itu, kira-kira 11 tahun dahulu.

"*Euphoria Penang Modern Dance (Ensemble)* ditubuhkan yang mana latihan seni tari diberikan secara percuma kepada anak Pulau Pinang yang berusia 17 tahun hingga 30 tahun, dapat kolaborasi dengan pengarah tari dari Pulau Pinang yang sudah pernah membuat persembahan peringkat antarabangsa.




ANTARA seni persembahan anak-anak istimewa yang pernah dipentaskan di bawah arahan Aida Redza (tengah) beberapa tahun lepas di Pulau Pinang.

"Kita *(Euphoria Penang Modern Dance Ensemble)* selalu membuat persembahan dalam acara-acara rasmi Kerajaan Negeri sendiri.

"Oleh kerana pada waktu itu ada sokongan (dari sudut kewangan), kita pulangkan balik dalam bentuk persembahan seni (yang mana) bagi saya menaik taraf seni persembahan tari moden dengan tema negeri Pulau Pinang, juga penari kita," jelas Aida dalam satu sesi temu ramah di astaka pusat membeli-belah Gurney Paragon, Tanjung Tokong di sini pada 9 September 2024.

Walaupun ditaklifkan sebagai Presiden Euphoria Penang Modern Dance Ensemble, beliau turut aktif dalam aktiviti kolektif di bawah Ombak-Ombak ARTStudio.

Pada masa yang sama, Aida memberitahu bahawa beliau turut mengasaskan studio seni tari sendiri yang dikenali sebagai Studio Pentas.

"Sebagai artis, apa yang saya terima, akan saya pulang balik kepada masyarakat, maka saya terpanggil untuk melakukan sendiri sesuatu yang lain iaitu melatih seni tari khusus untuk anak-anak autisme.

"Di bawah Studio Pentas ini, saya boleh membawa mana-mana kumpulan terpilih seperti anak-anak autisme untuk melatih seni tari, serta akan datang mungkin membuat persembahan seperti kelompok lain di luar sana," jelasnya.

Pada tahun 2009 dahulu, Aida memberitahu bahawa beliau bersama-sama *Bold* dan kumpulan *Creative at Heart* pernah melaksanakan projek inklusif yang dikenali sebagai *Dream a Dream* (D.A.D).

Di bawah program kolektif itu, Aida memberitahu bahawa kanak-kanak normal dan kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) kategori sindrom down serta anak-anak dari rumah pelindungan kanak-kanak dihimpunkan untuk belajar muzik dan seni tari, sebelum membuat persembahan bersama.

Berbekalkan pengalaman tersebut, Aida berkata bahawa beliau berhasrat untuk melaksanakan satu lagi program seni tari secara inklusif melibatkan OKU kategori autisme pula, jika mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan.

"Macam sekarang, memang diakui bahawa muzik dan seni tari turut membantu perkembangan kanak-kanak bukan sahaja kepada OKU, juga kepada warga emas bukan hanya menyihatkan badan serta menguatkan otot badan tetapi sebagai *psychotherapeutic* untuk membantu *social-communicative skill*.

"Juga kepada kanak-kanak autisme, sebenarnya seni tari selain daripada membantu mereka menyihatkan tubuh badan serta menguat otot badan mereka. Ia bantu *promote emotional, social, cognitive* dan *physical integration* untuk *improve health and well-being*.

"Selain itu, kita selalu bertanya – kenapa mesti buat persembahan selepas belajar seni tari dan muzik? Bagi saya, untuk menjana keyakinan dan *give them a sense of belonging for social and cultural sustainability* dalam diri para pelatih termasuk kanak-kanak autisme berkenaan.

"Buat masa ini, saya memang mengenakan caj untuk mengajar seni tari, cuma saya berharap pada masa hadapan mereka boleh belajar secara percuma kerana ada sokongan daripada pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri," jelasnya lagi.

Mengakhiri bicarawara, Aida berkata dekat negara tertentu di luar telah ada langkah yang proaktif daripada pihak kerajaan sendiri menggerakkan guru-guru tari sambilan untuk mengajar anak-anak watan mengenai seni dan jati diri negara.

"Kita memang ada membandingkan negara kita dengan negara tertentu di luar sana.

"Di negara kita, memang perlu ada kemahuan, sokongan keluarga dan kemampuan dari sudut kewangan terlebih dahulu, baru boleh belajar semua bidang seni tari terutamanya *ballet* atau kontemporari.

"Tetapi, di negara-negara tertentu, orang kebanyakan pun boleh belajar tari secara percuma kerana guru-guru tari untuk mengajar anak-anak digerakkan dalam komuniti dengan sokongan kerajaan.

"Sebagai artis dan guru seni tari, sekali lagi saya berharap dapat menjayakan program inklusif dengan melatih anak-anak autisme pula – kalau boleh secara percuma di Studio Pentas – supaya mereka juga boleh dan ada peluang membuat persembahan di khalayak kelak, jika mendapat sokongan daripada kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan," jelasnya lagi.

*(Sambungan dari muka 6).*

## Sasaran bertanding di pentas lebih besar

Bagi Zhengwei, beliau meminati sukan judo sejak usia lima tahun dan merancang untuk meneruskan minatnya itu pada masa akan datang dengan meletakkan sasaran untuk bertanding di pentas yang lebih 'besar'.

Begitu juga **NG YI XUAN** dan **WONG YI XUAN**, kedua-duanya berusia 18 tahun, muncul sebagai atlet kelompok teratas dalam Kategori Nage No Kata dan beraksi dengan cemerlang pada temasya di Sarawak baru-baru ini.

"Sesi latihan saya lebih tertumpu pada aspek ketahanan dan kekuatan fizikal, pada masa sama saya akan melihat pergerakan lawan sebelum 'membuka' langkah," kata (Ng) Yi Xuan.

Manakala bagi (Wong) Yi Xuan, memenangi pingat emas bagi acara berprestij seperti SUKMA cukup bermakna dan berharap untuk lebih menyerlah dalam kejohanan akan datang.

Sementara itu, **ALLYSA GAN JIA YI**, 20, tidak dapat membendung kegembiraan apabila dinobatkan sebagai juara bagi kategori bawah 52kg perempuan.

"Ini merupakan penyertaan pertama saya di SUKMA dan juga yang terakhir kerana faktor usia.

"Sebelum ini, semasa temasya di Kuala Lumpur saya terlepas peluang akibat kecederaan di bahagian bahu.

"Temasya kali ini, walaupun kecederaan saya telah pulih, saya tetap cemas kerana takut tidak mempamerkan prestasi terbaik dan terlepas pingat.

"Bukan mudah selepas mengalami kecederaan, namun saya tidak pernah beralah, kegigihan saya akhirnya beroleh kejayaan," ulasnya yang kini akan memberi tumpuan pada pelajarannya.

# Disiplin keazaman tinggi kunci kejayaan


PASUKAN Pengakap lelaki SJKC Min Sin menunjukkan trofi yang dimenangi pada pertandingan kawad kaki pasukan badan beruniform peringkat negeri Pulau Pinang pada 27 Ogos lalu.

**DISIPLIN** dan keazaman yang tinggi menjadi kunci kejayaan pasukan kawad kaki dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Min Sin muncul juara dan mengungguli Pertandingan Kawad Kaki Pasukan Badan Beruniform Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 27 Ogos lalu.

Guru Besar SJKC Min Sin, **LIM YIN CHAO** ketika ditemui berkata bahawa tanpa disiplin diri tinggi dalam kalangan murid-murid yang menyertai acara tersebut tidak mungkin sekolah berkenaan beroleh kejayaan membanggakan.


LIM Yin Chao.

"Tidak kira panas terik ataupun hujan, murid-murid tetap tabah berdepan semua itu, bukan senang.

"Jika tengok masa mereka sertai perbarisan Hari Kebangsaan pun berdepan keadaan cuaca yang sama.

"Murid-murid telah lakukan yang terbaik walaupun ini bukanlah dalam bidang akademik, semua ini datang dengan satu 'harga' tersendiri sebelum mengukir kejayaan," ujarnya semasa ditemu bual oleh wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **LAW SUUN TING** di sekolah berkaitan pada 10 September lalu.

Hadir sama, Guru Pembimbing selaku jurulatih, **ANG AIK FUNG** dan **KHAW FENG KHIAN** serta Pengerusi


ANG Aik Fung.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), **LEE ZHENG YONG**.

Buletin Mutiara dimaklumkan bahawa pertandingan berkaitan merupakan julung kali sekolah berkenaan menggondol kejuaraan kawad kaki melalui pasukan badan beruniform.

"Pasukan Pengakap SJKC Min Sin muncul juara bagi Kategori Lelaki dan Perempuan.

"Manakala bagi pasukan Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) Kategori Lelaki muncul naib johan dan TKRS Kategori Perempuan di tempat ketiga," kata beliau yang bangga dengan pencapaian anak muridnya.

Yin Chao memberitahu, keseimbangan antara akademik dan kokurikulum turut menjadi cabaran bukan sahaja kepada pihak sekolah tetapi juga kepada murid-murid dalam memastikan prestasi pelajaran tidak terganggu.

Namun, beliau bersyukur kerana perkara yang paling dititikberatkan pihak sekolah dalam menjaga keseimbangan tersebut tidak mengganggu-gugat proses pembelajaran.

"Kami (pihak sekolah) faham mengenai cabaran tersebut dan tidak terkecuali ibu bapa yang perlu menghantar, mengambil anak-anak ke sesi latihan, ke kelas tuisyen dan sebagainya.

"Walau bagaimanapun, saya lihat perkara ini dapat ditangani dengan baik oleh semua baik ibu bapa mahupun murid-murid, lantas ia telah membuahkan kejayaan," jelasnya.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai latihan, Aik Fung memberitahu bahawa persediaan rapi telah dilakukan oleh pihak sekolah dalam tempoh lapan bulan.

"Setiap hari, latihan dijalankan pada jam 1.10 petang hingga 3.10 petang, adakalanya mungkin sampai ke 3.30 petang.

"Murid-murid memberikan komitmen tinggi sepanjang sesi latihan, walaupun ada yang mungkin lemah, namun semangat untuk belajar dan memberi yang terbaik sangat tinggi, itu yang saya 'tabik' kepada mereka.

"(Dan) kalau boleh, memang saya rancang untuk tidak mengganggu waktu hujung minggu bagi membolehkan mereka berehat dengan keluarga atau aktiviti selain daripada sekolah," ulasnya lanjut.

Sementara itu, Zheng Yong memberitahu bahawa PIBG turut bermurah hati menaja 95 set pakaian seragam TKRS dan Pengakap untuk pertandingan berkaitan.

"Itu antara pengorbanan besar yang dilakukan oleh PIBG sebagai langkah menyokong penyertaan anak-anak SJKC Min Sin ini.

"Selain itu, ramai yang mungkin tidak tahu, sekiranya ada aktiviti yang memerlukan kewangan, ada ibu bapa yang secara sukarela akan memaklumkan tidak perlu mencari dana.

"Mereka bersedia untuk mengeluarkan duit poket mereka demi anak-anak kerana kemampuan dan dianggap satu pelaburan untuk masa depan anak-anak mereka," ujarnya.

Mengakhiri bicara, keempat-empat individu yang turut menjadi tulang belakang kejayaan SJKC Min Sin mahu memberi fokus untuk menyertai pertandingan kawad kaki badan beruniform pada peringkat kebangsaan pula.

Sebelum itu, Buletin Mutiara difahamkan bahawa pihak sekolah perlu menyediakan video untuk dinilai oleh panel sebelum menyertai pertandingan secara fizikal di Melaka kelak.


SEMANGAT yang ditunjukkan pasukan Pengakap perempuan SJKC Min Sin yang membolehkan mereka muncul johan kategori berkaitan.



SJKC Min Sin menerima hadiah daripada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri sambil diiringi Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas dinobatkan johan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2024.



**JOHAN Pasukan TKRS Puteri SK Sungai Batu menunjukkan trofi yang dimenangi.**

**PASUKAN TKRS SK Sungai Rambai meraikan kemenangan mereka.**

# Pertandingan kawad kaki mantapkan disiplin pelajar

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**MENYEDARI** peri pentingnya aktiviti kawad kaki dalam pembentukan jati diri pelajar, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) mengambil inisiatif menganjurkan Pertandingan Kawad Kaki Pasukan Badan Beruniform Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Pertandingan yang berlangsung selama dua hari pada 27 dan 28 Ogos 2024 dekat Pusat Kokurikulum Negeri Pulau Pinang itu menyaksikan penglibatan seramai 1,050 peserta yang mengambil bahagian.

Terdahulu, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Jit Sin dilihat mendominasi pertandingan apabila berjaya menjulang tiga trofi kejuaraan daripada enam kategori yang dipertandingkan.

SMJK Jit Sin diumumkan sebagai johan dalam tiga kategori iaitu Pasukan Badan Beruniform Agensi Bukan Kerajaan (NGO) Puteri dan Agensi Kerajaan (GO) Puteri serta GO Putera.

Sekolah Menengah Agama (SMA) Syeikh Abdullah Fahim pula muncul sebagai pencabar terdekat apabila berjaya menggondol dua trofil selepas menjuarai Kategori Kadet Remaja Sekolah (KRS) Puteri dan KRS Putera.

SMA Syeikh Abdullah Fahim turut diumumkan sebagai pemenang bagi Anugerah Ketua Platun Terbaik bagi Kategori GO Putera.

Selain itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chung Ling diumumkan sebagai johan bagi Kategori NGO Putera serta dipilih sebagai ketua platun terbaik bagi kategori yang sama.



**ABDUL Said Hussain.**

Mantan Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Dato' Abdul Said Hussain ketika ditemui berkata bahawa kawad kaki merupakan asas disiplin kepada semua pasukan badan beruniform yang ada di sekolah.

Menurut beliau, pertandingan yang diadakan setiap tahun itu dilihat dapat memantapkan lagi disiplin diri para pelajar, selaras dengan falsafah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan masyarakat bersepadu, bertatasusila dan terlatih.

"Pertandingan kawad kaki bermula pada peringkat daerah yang mana pasukan yang muncul sebagai johan bagi setiap daerah akan dipilih menyertai pertandingan kawad kaki pada peringkat negeri seperti yang berlangsung kini.

